Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah

SIARAN MEDIA

KERJASAMA STRATEGIK KERAJAAN SARAWAK DAN KKDW SEGERAKAN PROJEK PEMBANGUNAN KKDW DI SARAWAK

KKDW sentiasa komited untuk meneruskan rencana pembangunan prasarana desa dan pedalaman untuk segera dilaksanakan demi keselesaan rakyat, seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2025 dengan kerjasama strategik bersama Kerajaan Sarawak.

Untuk itu, KKDW menganjurkan Sesi Taklimat Pelaksanaan Projek Pembangunan KKDW kepada YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri KKDW sempena dengan Program Lawatan Kerja Rasmi YAB Timbalan Perdana Menteri ke Sarawak.

Taklimat ini untuk mendapatkan gambaran terkini prestasi pelaksanaan projek pembangunan KKDW oleh Agensi Pelaksana seperti projek Jalan Luar Bandar (JALB), Jambatan Luar Bandar (JMLB), Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dan Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB).

Sebanyak **empat (4) Agensi Pelaksana** program/projek pembangunan KKDW di Sarawak telah menyampaikan taklimat dalam sesi tersebut iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Sarawak, Jabatan Bekalan Air

Luar Bandar (JBALB) Sarawak dan Bahagian Teknikal, KKDW.

Untuk tahun 2024 RM713,163,470 diperuntukan di bawah pembangunan RP 4 RMKE-12 dengan 292 projek dengan 70 projek baharu dan 222 projek sambungan.

Manakala prestasi pelaksanaan projek sehingga 21 Oktober 2024 mencatatkan projek pra pelaksanaan sebanyak 195 projek, projek dalam pelaksanaan 69 dan pasca pelaksanaan sebanyak 26 projek.

KKDW turut mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Sarawak atas **pengiktirafan** Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Sarawak dan Sabah sebagai **Jabatan Teknik di bawah Arahan Perbendaharaan (AP)182** selaras dengan hasrat dan semangat Majlis Khas Mengenai Perjanjian Malaysia 1963 (MKMA63).

KKDW berharap dengan penarafan ini, Jabatan-jabatan Teknik di Sarawak dapat terus menyelia projek prasarana khususnya projek KKDW di luar bandar dengan lebih berkesan.

Disediakan oleh

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
3 November 2024